

24 SEP 1996

MEASAT-2 AKAN DILANCARKAN MINGGU KEDUA NOVEMBER

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Satelit kedua Malaysia, Satelit Asia Timur Malaysia (Measat-2), besar kemungkinan akan dilancarkan pada minggu kedua November ini, menurut seorang pegawai tinggi Binariang Sdn Bhd hari ini.

Beliau berkata, Measat-2 hampir siap sedia untuk dilancarkan dari Kourou, di French Guiana, iaitu tempat yang sama Measat-1 dilancarkan ke orbit pada 12 Jan lepas.

Bagaimanapun kata beliau, kelewatan dalam pelancaran satelit itu berlaku kerana belum ada kata putus mengenai "ArabSat-2B" iaitu satu lagi satelit yang akan dibawa dibawa ke orbit bersama Measat-2 oleh roket Ariane-4.

Binariang pemilik dan pengendali Measat-1 sedang membuat persiapan bersama Arianespace, sebuah konsortium Eropah untuk melancarkan satelit kedua itu.

Beliau juga berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memainkan peranan penting dalam memperkenalkan teknologi satelit di negara ini, besar kemungkinan akan menghadiri pelancaran Measat-2 di Kourou.

Pusat Kawalan Satelit Measat di Langkawi yang mula beroperasi penuh sejak Januari 1996 kini sedang dinaikkan taraf bagi "telemetry tracking" dan kawalan Measat-2. -- BERNAMA

MR RN PR